

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat kesan terhadap peluang pelajar untuk memohon kemasukan ke Kolej Vokasional memandangkan kini permohonan ke SBP, SMKA, KV, SMT dan MTD terpaksa melalui 'Single Entry Point' dan Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK).

JAWAPAN

Susulan pengumuman YB Menteri Kanan Pendidikan mengenai pembatalan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada 15 April 2020, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan satu kaedah baharu bagi pemilihan murid untuk kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Kolej Vokasional (KV) dan Maktab Tentera Diraja (MTD).

Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) merupakan satu mekanisme saringan pemilihan murid mengikut syarat dan kriteria kemasukan yang ditetapkan oleh sekolah khusus masing-masing.

Kementerian Pendidikan Malaysia berpandangan penggunaan *single entry point* dan PKSK tidak menjejaskan peluang murid untuk memohon ke Kolej Vokasional (KV) kerana tidak ada kekangan ke atas

NO. SOALAN : 41

murid untuk memohon iaitu semua murid Tingkatan 3 tahun 2020 layak untuk memohon ke Sekolah Khusus.

Selain itu, pelaksanaan permohonan kemasukan secara *single entry point* dapat mengelakkan pertindihan penawaran. Murid akan ditawarkan hanya satu tempat sahaja dan ini akan memberikan peluang yang lebih banyak kepada murid lain untuk menerima tawaran kemasukan ke Sekolah Khusus.

Penawaran kemasukan juga adalah berdasarkan pilihan murid samada pilihan pertama, kedua atau ketiga. Namun sekiranya murid tidak berjaya ditawarkan ke mana-mana Sekolah Khusus, mereka boleh membuat rayuan.

Oleh yang demikian, pelaksanaan permohonan secara *single entry point* dan pentaksiran kemasukan memberikan peluang yang sama kepada semua murid bagi kemasukan ke KV, Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Maktab Tentera Diraja (MTD).

Sekian, terima kasih.